

22/09/1999

PM kesal pemaju abai projek rumah murah

KANGAR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melahirkan rasa kecewa kerana masih terdapat segelintir pemaju yang enggan membina rumah kos rendah untuk menampung keperluan tempat tinggal golongan berpendapatan rendah.

Perdana Menteri berkata walaupun sudah didesak berkali-kali pemaju terbabit tidak memperdulikan permintaan itu kerana memikirkan kurang mendapat keuntungan daripada projek yang akan dijalankan itu.

Beliau berkata, keadaan itu berterusan walaupun kerajaan menggariskan syarat supaya pemaju menggunakan keuntungan daripada projek perumahan kos sederhana dan mewah bagi membiayai pembinaan rumah kos rendah.

"Oleh sebab itu, kerajaan sendiri berusaha membiayai mendirikan rumah kos rendah walaupun ia tidak mudah kerana pembiayaannya tidak mencukupi dengan nilai rumah yang dibina itu.

"Di bandar pula harga tanah begitu mahal. Sebab itu kita kadang kala terpaksa mendirikan rumah kos rendah di luar pusat bandar, tapi ia jauh lebih baik daripada tinggal sebagai setinggan," katanya.

Beliau berkata demikian di majlis pecah tanah projek rumah pangsa dua blok masing-masing setinggi 14 dan 17 tingkat berjumlah 472 unit di tapak seluas 2.1 hektar di Jalan Sekolah Menengah Derma, di sini, hari ini.

Perdana Menteri berkata, disebabkan kos pembinaan rumah kos rendah melebihi RM25,000 seunit, kerajaan memutuskan ia tidak semestinya dijual pada harga itu bagi menggalak lebih banyak pemaju membina rumah kos rendah.

Langkah itu, katanya, mendapat tentangan daripada mereka yang berpendapatan rendah dan disokong oleh pihak tertentu yang berkepentingan, terutama pembangkang dan badan bukan kerajaan (NGO) tertentu.

"Kita dapati ada di kalangan mereka yang tinggal di rumah setinggan yang keadaannya buruk, tapi mempunyai peti sejuk yang harganya separuh daripada nilai rumah didiami itu," katanya.

(END)